

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100.6/4 (10)

30 April 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2008

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Parit Raja, Batu Pahat

Assalamualaikum

Y Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PEMBERIAN IMBUHAN BAGI PENERBITAN MAKALAH DI DALAM JURNAL BERIMPAK TINGGI

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai garis panduan kadar Imbuan bagi penerbitan makalah di dalam jurnal yang berimpak tinggi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UTHM telah mempunyai satu 'blueprint' yang menggariskan hasrat dan aktiviti untuk menjadi salah sebuah universiti bertaraf dunia pada tahun 2013.
- 2.2 Hasrat ini bertepatan dengan kehendak negara yang mahu melihat universiti tempatan mampu bersaing secara kompetitif dengan universiti utama lain di peringkat global.
- 2.3 Salah satu kriteria utama yang diambil kira dalam penaraan dan penarafan sesebuah IPTA adalah dengan melihat kemampuan para penyelidiknya menghasilkan terbitan ilmiah khasnya dalam jurnal yang berimpak tinggi.
- 2.4 Jurnal yang berimpak tinggi yang ditakrifkan oleh "The Institute of Scientific Information ® (ISI®)" ialah "Calculated based on a three-year period. It can be viewed as an approximation of the average number of citations in a year, given to those papers in a journal that were published during the two preceding years. For example, the 2003 impact factor for a journal would be calculated as follows:
A = the number of times articles published in 2001-2 were cited in indexed journals during 2003
B = the number of "citable items" (usually articles, reviews, proceedings or notes; not editorials and letters-to-the-Editor) published in 2001-2
2003 impact factor = A/B

(note that the 2003 impact factor was actually published in 2004, because it could not be calculated until all of the 2003 publications had been received.) “

- 2.4 Sebagai galakan, pihak Universiti memutuskan untuk memberi imbuhan dalam bentuk wang ringgit kepada mana-mana stafnya yang berjaya menerbitkan makalah dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi.
- 2.5 Pemberian imbuhan ini mempunyai objektif seperti berikut:
- i) Meningkatkan aktiviti penerbitan dalam kalangan pensyarah khususnya di peringkat antarabangsa.
 - ii) Memenuhi komponen penting dalam mengkategorikan universiti bertaraf dunia iaitu 20% dari penilaian keseluruhan adalah berasaskan penerbitan di peringkat antarabangsa yang mempunyai faktor impak.
 - iii) Mempercepatkan proses pemasyhuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai universiti bertaraf dunia.
- 2.6 Lembaga Pengarah Universiti pada mesyuarat Bil.3/2007 bertarikh 18 Disember 2007 telah meluluskan Garis Panduan Kadar bagi Anugerah Penerbitan Makalah di peringkat Antarabangsa untuk diterima pakai.
- 2.7 Dalam membuat tuntutan, staf dikehendaki mengemukakan Borang Tuntutan Penerbitan Artikel dalam Jurnal Berimpak Tinggi yang telah lengkap ke Pejabat Bendahari. (Pengesahan dari fakulti dan Pejabat Penerbit diperlukan). Borang permohonan boleh diperolehi di Pejabat Penerbit.

3.0 PERATURAN

- 3.1 Imbuhan ini hanya melibatkan penerbitan makalah di dalam jurnal yang mempunyai faktor impak sahaja.
- 3.2 Kadar imbuhan yang akan diberikan adalah tertakluk kepada nilai faktor impak sesebuah jurnal sepertimana pecahan berikut:

| Faktor impak | Anugerah (RM) |
|----------------------|----------------------|
| $0.1 \leq IF < 0.5$ | 1,000.00 |
| $0.5 \leq IF < 1.0$ | 2,000.00 |
| $1.0 \leq IF < 2.00$ | 3,000.00 |
| $2.0 \leq IF < 3.00$ | 4,000.00 |
| $IF \geq 3.0$ | 5,000.00 |

- 3.3 Hanya pengarang dari UTHM sahaja yang mendapat imbuhan. Pengagihan imbuhan ini turut tertakluk kepada peranan yang dimainkan oleh seseorang staf UTHM dalam menghasilkan penulisan makalah itu. Berikut adalah pecahan kadar imbuhan berdasarkan peranan staf:

| Pengarang | % pengagihan |
|-----------------|--------------|
| Pertama / Utama | 100% |
| Kedua | 50% |
| Ketiga | 30% |
| lain | 20% |

Contoh : Jika pengarang pertama bukan dari UTHM, manakala pengarang kedua adalah dari UTHM, maka pengarang tersebut hanya mendapat 50% daripada nilai imbuhan tersebut.

5.0 KUAT KUASA PEKELILING


Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y Bhg.Dato'/Prof./Tuan/Puan dipohon agar dapat memanjangkan perkara ini kepada pegawai PTJ yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,



HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari
Samb.7050

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Ketua Audit Dalam